

Poltiteknik Tuanku Sultanah Bahiyah
Kulim Hi-Tech Park
09090, Kulim
Kedah

Tel : 04-4033333

Faks : 04-4033033

Emel: webmaster@ptsb.edu.my

MAKLUMAN RASMI

PENANGGUHAN PENGANJURAN PROGRAM AKTIVITI PELAJAR BERIKUTAN WABAK COVID 19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggesa agar semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*) **DITANGGUHKAN** bagi mencegah berlakunya penularan COVID-19.

Sehubungan itu, Bahagian Pengambilan Pelajar, JPPKK mengambil keputusan agar semua perhimpunan/ aktiviti/ program yang melibatkan pelajar dan/atau orang ramai **DITANGGUHKAN** atas faktor keselamatan masing-masing selama mana penularan wabak ini berlaku dan disarankan untuk mendapat informasi terkini mengenai COVID-19 melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Justeru, langkah-langkah yang diambil oleh PTSB adalah seperti berikut:

- i. Projek CEF 2020 akan **DITANGGUHKAN** kepada satu tarikh yang akan dinyatakan kelak.
- ii. Projek ICCE 20 yang dijadualkan pada 16 Mac 2020 akan disusun semula bagi memastikan syarat KKM dipenuhi.
- iii. Semua aktiviti kokurikulum yang melibatkan perhimpunan melebihi 50 orang pelajar **DITANGGUH/ DIBATALKAN**.
- iv. **MEMBATALKAN** semua lawatan dan aktiviti luar yang melibatkan pelajar PTSB.
- v. PTSB akan membekalkan **Hand Sanitizer** secukupnya bagi semua pelajar sebelum sesuatu aktiviti PdP dijalankan.
- vi. Warga PTSB harus sentiasa memastikan 3 perkara berikut sebelum memulakan aktiviti:
 - a) Memastikan tiada pelajar yang menunjukkan sebarang simptom COVID 19.
 - b) Kelas tidak boleh melebihi daripada 50 orang pelajar pada satu masa.
 - c) Semua tindakan pencegahan telah diambil oleh pensyarah dan pelajar.

Bagi melancarkan langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID 19 di PTSB khususnya, kerjasama dan keprihatinan tuan/puan amat diharapkan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

YUSMA BINTI YUSOF
Pengarah
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
15 Mac 2020